

14 DEC 1997

Sidang-Perdagangan

INDONESIA SOKONG GESAAN MAHATHIR MENGENAI PERDAGANGAN ANTARA ASEAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Indonesia hari ini menyokong gesaan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya lebih banyak perdagangan diadakan antara negara-negara Asean bagi meringankan beban krisis kewangan yang melanda rantau ini.

Menteri Luar Indonesia Ali Alatas memberitahu pemberita selepas mengunjungi Dr Mahathir di sini bahawa Jakarta mahu melihat "kerjasama perdagangan yang lebih besar dan pesat" antara negara-negara Asean dalam keadaan krisis kewangan kini.

"Kerjasama sedemikian adalah penting sekarang terutama ketika kita sedang menghadapi kesukaran dari segi kewangan," katanya.

Alatas berkata beliau telah berbincang dengan Dr Mahathir mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Indonesia bagi menangani krisis kewangan itu.

Alatas, yang mewakili Presiden Suharto pada Sidang Kemuncak Tidak rasmi Kedua Asean yang berlangsung selama tiga hari di sini, berkata Indonesia tidak mempunyai cadangan khusus untuk dikemukakan pada persidangan itu.

Sambil menegaskan bahawa Indonesia "masih lagi tertekan dengan masalah mata wangnya", Alatas berkata persoalan mengenai keadaan mata wang dan kewangan pasti menguasai perbincangan pada sidang kemuncak itu.

Sementara itu, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Badawi berkata walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memberi bantuan kepada beberapa negara Asia yang terjejas teruk akibat krisis mata wang, "keadaan ekonomi (di negara berkenaan) masih tidak berubah."

Indonesia dan Thailand ialah dua negara anggota Asean yang meminta bantuan kewangan daripada IMF. Negara ketiga yang turut berbuat demikian ialah Korea Selatan.

"Ini merupakan suatu perkara yang sangat dipandang berat oleh pemimpin-pemimpin Asean," kata Abdullah dalam taklimatnya kepada para pemberita mengenai perbincangan Dr Mahathir dengan Sultan Brunei Hassanal Bolkiah dan pemimpin Myanmar Than Shwe.

Abdullah berkata Dr Mahathir, dalam ucapannya pada persidangan sektor swasta Asean di sini semalam, menyentuh mengenai suatu mekanisme bagi meningkatkan kerjasama ekonomi antara negara-negara Asean.

Adalah diharapkan pemimpin-pemimpin Asean akan menghasilkan "tindakan yang lebih bersepadu" bagi mengatasi masalah kewangan kini semasa sidang kemuncak itu, kata Abdullah.

Beliau yakin para pemimpin Asean akan menyarankan "sesuatu yang penting" mengenai masalah mata wang kini pada akhir sidang kemuncak itu.

"Saya tidak dapat bayangkan mereka bersurai tanpa menghasilkan sesuatu mengenai perkara itu," katanya.

Abdullah berkata cadangan "Beli Asean" oleh Dr Mahathir boleh menjadi satu cara untuk mengatasi kesan krisis mata wang negara-negara Asean.

"Kita perlu memastikan perdagangan antara negara-negara Asean diteruskan. Ia tidak boleh terhenti kerana masalah mata wang itu...adalah menjadi hasrat kita untuk melihat keadaan itu tidak menjadi semakin serius," kata Abdullah.

Bagaimanapun, beliau berkata Dr Mahathir tidak akan menekankan mengenai perdagangan antara Asean pada sidang kemuncak ini kerana ia adalah hanya pendapat beliau.

Mengenai cadangan negara-negara Asean untuk mengeluarkan kenyataan bersama berhubung krisis kewangan serantau pada akhir sidang kemuncak itu,

Abdullah berkata menteri-menteri luar Asean menyerahkan perkara itu untuk diputuskan oleh para pemimpin mereka.

Mengenai kehadiran China pada sidang kemuncak itu, Abdullah berkata para pemimpin Asean mahu mendapatkan pendapat Beijing berhubung cara mengatasi krisis kewangan rantau ini.

Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto dan Perdana Menteri Korea Selatan Koh Kun aka menghadiri sidang kemuncak itu dengan Asean buat julung kalinya esok.

Mengenai ketidakhadiran Suharto pada sidang kemuncak itu, Abdullah berkata Alatas telah menyerahkan sepucuk surat dari pemimpin-pemimpin Indonesia kepada Dr Mahathir yang antara lain menyatakan kekesalah kerana tidak dapat menghadiri majlis itu. -- BERNAMA

ES NAK